

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 Februari 2009

SOALAN

YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah ibu tunggal di seluruh negara dan berapakah jumlah yang berdaftar dengan JKM berakhir 2008 dan jumlah yang menerima bantuan serta bentuk-bentuk bantuan yang diterima. Berapa peratus daripada mereka yang kini tidak lagi bergantung dengan bantuan JKM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada golongan miskin termasuk ibu tunggal berdasarkan kriteria dan kelayakan yang ditetapkan. Mengikut bancian Penduduk dan Perumahan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat seramai 126,810 orang ibu tunggal di seluruh negara. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 34,599 orang ibu tunggal miskin dan berkeperluan menerima bantuan JKM sehingga Disember 2008. Antara bentuk bantuan yang sesuai dipertimbangkan untuk golongan ibu tunggal yang memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

- 1) Bantuan Kanak-Kanak Bantuan Kanak-Kanak disediakan bagi keluarga miskin termasuk ibu tunggal untuk menyara anak-anak iaitu dengan kadar minimum RM100 sebulan seorang dan maksimum RM450 sebulan sekeluarga bagi yang mempunyai anak-anak melebihi 4 orang.
- 2) Bantuan Geran Pelancaran Bantuan Geran Pelancaran disediakan bagi membantu mereka yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang perusahaan, pertanian atau perniagaan kecil serta membolehkan mereka menjadi lebih produktif dan berusaha ke arah hidup berdikari. Kadar Bantuan Geran pelancaran adalah sebanyak RM2,700 sekaligus.
- 3) Bantuan Am Bantuan Am disediakan bagi tujuan membantu keluarga yang tidak berkemampuan atau mengalami kesulitan kewangan termasuk ibu tunggal buat sementara waktu sehingga ke suatu masa mereka dapat berdikari. Kadar Bantuan Am ditentukan oleh Negeri masing-masing. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini JKM sedang dalam proses pengumpulan maklumat berkenaan ibu tunggal yang berjaya hidup berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan kewangan.

